

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 13 JUN 2014 (JUMAAT)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	MOSTI denies approving RM100 million grant for NSE Resouces Sdn Bhd	BERNAMA
2.	Nafi luluskan dana RM100j kepada NSE	Harian Metro
3.	MOSTI nafi dakwaan Rafizi	The Rakyat Post
4.	MOSTI nadi dakwaan Rafizi bagi kelulusan dana RM100 juta kepada NSE Resources	The Malaysian Insider
5.	Rafizi: Dubious MOSTI grant recipient to profit for 'free'	The Malay Mail
6.	DNA puntung rokok ada kaitan tertuduh	Berita Harian
7.	Profil DNA, Kad darah sepadan	Utusan Malaysia
8.	Kes bunuh pengasas Ambank: DNA pada puntung rokok sepadan dengan DNA tertuduh	BERNAMA
9.	Expert: DNA on ciggie matched that of accused	The Star
10.	Matching DNA found on cigarette butt	The Sun
11.	DNA of murder accused found on cigarette	New Straits Times
12.	Fokus pada saintis bantu Malaysia capai negara maju – Dr. Mahathir	Utusan Malaysia
13.	Dr Asma wanita pertama jawat Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi	BERNAMA
14.	Piala dunia: Jangan abai tugas	Utusan Malaysia



## Mosti Denies Approving RM100 Million Grant For NSE Resources Sdn Bhd

PUTRAJAYA, June 12 (Bernama) -- [Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin](#) today denied allegation that his ministry (Mosti) has approved a RM100 million grant to NSE Resources Corporation (M) Sdn Bhd.

"I would like to inform you that Mosti has not received any application from the company and stressed that the issue of approving RM100 million grant does not arise and not true at all," he said in a statement today.

Ewon said application for such grant must meet the conditions set and assessed by a independent Technical Review Committee before considered by the Fund Approval Committee.

The conditions include pre-commercialisation projects, original or novelty, proof of concept and maximum quantum of RM3 million.

More information can be found in the Pre-Commercialisation Fund (Technofund) Guidelines for Applicants which can be accessed via the Mosti portal.

Pandan Member of Parliament Rafizi Ramli had alleged that Mosti had approved a RM100 million grant for NSE Resources Corporation (M) Sdn Bhd.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 31  
TARIKH: 13 JUN 2014 (JUMAAT)

**Putrajaya:** Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin semalam menafikan dakwaan Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli, bahawa kementeriaannya meluluskan dana berjumlah RM100 juta kepada syarikat NSE Resources Corporation (M) Sdn Bhd.

"Suka saya memaklumkan bahawa sehingga hari ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) belum menerima sebarang borang permohonan rasmi daripada syarikat berkenaan dan menegaskan bahawa isu meluluskan dana berjumlah RM100 juta tidak timbul dan tidak benar sama sekali," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau menjelaskan sebarang permohonan dana hen-

## Nafi luluskan dana RM100j kepada NSE

“ MOSTI belum menerima sebarang borang permohonan rasmi daripada syarikat berkenaan ”

**Dr Ewon**

daklah memenuhi syarat yang ditetapkan dan dinilai oleh sebuah Jawatankuasa Penilaian Teknikal bebas sebelum dipertimbangkan Ja-

watankuasa Kelulusan Dana.

Antara syarat tersebut ialah projek di peringkat pra-pengkomersilan, mempunyai keaslian atau novelti, pembuktian konsep dan kuantum maksimum RM3 juta.

Maklumat lanjut permohonan dana boleh dirujuk dalam Pre Commercialisation Fund (Technofund) Guidelines for Applicants yang boleh dilayari melalui portal MOSTI dan jumlah permohonan dana ialah RM3 juta sahaja. —BERNAMA

# The Rakyat Post™

## MOSTI nafi dakwaan Rafizi



PUTRAJAYA, 12 Jun:

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin menafikan dakwaan Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli, bahawa kementerianya meluluskan dana berjumlah RM100 juta kepada syarikat NSE Resources Corporation (M) Sdn Bhd.

---

*Ewon menafikan dakwaan Rafizi bahawa kementerianya meluluskan dana berjumlah RM100 juta kepada syarikat NSE Resources Corporation (M) Sdn Bhd.*

---

“Suka saya memaklumkan bahawa sehingga hari ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) belum menerima sebarang borang permohonan rasmi daripada syarikat berkenaan dan menegaskan bahawa isu meluluskan dana berjumlah RM100 juta tidak timbul dan tidak benar sama sekali,” katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Beliau menjelaskan, sebarang permohonan dana hendaklah memenuhi syarat-syarat ditetapkan dan dinilai sebuah Jawatankuasa Penilaian Teknikal bebas, sebelum dipertimbangkan Jawatankuasa Kelulusan Dana.

Antara syarat-syarat itu adalah projek di peringkat prapengkomersilan, mempunyai keaslian atau novelti, pembuktian konsep dan kuantum maksimum RM3 juta.

Maklumat lanjut permohonan dana boleh dirujuk dalam Pre Commercialisation Fund (Technofund) Guidelines for Applicants, di portal MOSTI dan jumlah permohonan dana maksimum adalah RM3 juta.

